

Conference Papers
(2)



ICOPS2017

THE 6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY & SOCIAL SCIENCE

EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KEDAH

Greetings from the Organising Committee of ICOPS 2017

Dear Prof. / Assoc. Prof. / Dr. / Mr. / Mrs / Miss

We are pleased to invite all academicians from national and international academic institutions as well as industry professionals to participate in The 6th INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY AND SOCIAL SCIENCE (ICOPS 2017).

ICOPS 2017 welcomes local and international academicians (lecturers, teachers and postgraduate students) to present papers and participate in ICOPS 2017. ICOPS 2017 also anticipates students' participations as well as representatives from the public and private sector for sharing of ideas and knowledge. ICOPS 2017 will largely benefit academicians, students, and industry professionals from the public/private sector.

Selected high-impact full text papers will have the chance to be published in the Journal of Administrative Science (JAS) for a Special Journal Issue.

SUB - THEMES

Public Policy

- Community Development
- Corporate Governance
- Development Administration
- E-Government
- Foreign Policy
- Government & Politics
- International Relations & Diplomacy
- Law
- Local Government
- Policy Analysis
- Political Science
- Public Administration
- Public Finance
- Public Health
- Public Participation
- Public Service Delivery
- Teaching and Learning in Public Policy
- Other relevant areas

Social Science

- Change management
- Environmental Management
- Ethics in Administration
- Gender Studies
- Human Resource Management
- Knowledge Management
- Organizational Management
- Organizational Psychology
- Political Science
- Project Management
- Quality Management
- Social Marketing
- Social Work
- Sustainable Development
- Teaching and Learning in Social Science
- Urban Sociology
- Other relevant areas

IMPORTANT DEADLINES

- First call for papers : 30th June 2016 - 30th September 2016
 - Abstract submission (max 300 words) : 31st December
 - Submission of full papers : 20th January 2017
 - Payment due date : 31st December 2016
- Kindly refer to ICOPS 2017 website <http://icops2017.wix.com/icops2017> for updated information on the important dates.

FEES

Types of Participants	Fees	REMARK:	Fees
Local presenters		Early Bird Registration	
I. Normal	RM 848	i. Local presenter	RM 742
ii. Early Bird	RM 742	ii. International presenter	USD 424
International presenters		iii. Local participant	RM 689
i. Normal	USD 477	iv. International participant	USD 371
ii. Early Bird	USD 424	v. Local student	RM 583
Local participants	RM 742	vi. International Student	USD 265
International participants	USD 424		
Local students	RM 689	2nd Paper onwards (each paper)	
International students	USD 371	i. Local	RM 742
		ii. International	USD 424

Name	Assoc. Prof. Muzlyq	Info for Payment
Address	Faculty of Administrative Science, UiTM Kedah Branch, Malaysia	A. For Local participants
Bank Account No	6030001075211200	• Cash, Banker's Cheques, or Bank Transfer
Bank Name	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) No. 2, 1st Fl., Lebuh Tunku Sultan, 11000 Alor Setar, Kedah, Malaysia	• Government Local Order (L.O.) is accepted
Bank SWIFT Code	IBIM3303	• All cheques must be made payable to "Bank Islam Kedah"
IST Registration Number for UiTM Kedah	001418/2009	B. For International participants:
		• Full payment before date due auto

Payment Deadline 31st December 2016

Workshop

ICOPS 2017 Conference Workshops are offered FREE for presenters and participants of ICOPS 2017. Registration for these workshops is OPEN NOW at our website.

Organised by:

Faculty of Administrative Science and Policy Studies UiTM Kedah Branch, & Faculty of Administrative Science and Policy Studies UiTM Negeri Sembilan Branch.

E-mail Us

Registration and Payment: ICOPS2017@kedah.uitm.edu.my
Abstract and Full paper: AFP_ICOPS@kedah.uitm.edu.my


Secretariat and Inquiries

Madam Azlyn Binti Ahmad Zawawi
Tel. No: +604-456.2663
Email: azlyn@kedah.uitm.edu.my



✓ 8th, 9th & 10 March 2017

✓ TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Malaysia



Conference
KPI 2017
Paper 1

100
2017
THE 8TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON
PUBLIC POLICY & SOCIAL SCIENCE

EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE



e-PROCEEDINGS



Organised by:

Faculty of Administrative Science and
Policy Studies UTM Kedah Branch,
& Faculty of Administrative Science and Policy Studies
UTM Negeri Sembilan Branch.

ISBN 978-967-0314-41-9



100
2017
THE 8TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON
PUBLIC POLICY & SOCIAL SCIENCE
EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE

ISBN 978-967-0314-41-9



8th & 9th March 2017
TH Hotel & Convention Centre,
Alor Setar, Malaysia

Organised by:
Faculty of Administrative Science and
Policy Studies UTM Kedah Branch,
& Faculty of Administrative Science and Policy Studies
UTM Negeri Sembilan Branch.

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY AND SOCIAL SCIENCE (ICOPS 2017)
"ICOPS 2017: EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE"
8TH – 9TH MARCH 2017
Universiti Teknologi MARA Kedah, Malaysia

Pembangunan Sosio-Ekonomi Diluar Bandar Negeri Kedah

Nazmi@Nazni Noordin

FSPPP UiTM Cawangan Kedah, 08400, Merbok, Kedah
nazni@kedah.uitm.edu.my

Kamarudin Ngah

School of Government, COLGIS UUM, 06010, Sintok, Kedah
kamarudinngah@uum.edu.my

Zaherawati Zakaria

FSPPP UiTM Cawangan Kedah, 08400, Merbok, Kedah
zaherawati@kedah.uitm.edu.my

Adnan Aminuddin

FSPPP UiTM Cawangan Kedah, 08400, Merbok, Kedah
adnan708@kedah.uitm.edu.my

ABSTRAK

Semenjak dari Dasar Ekonomi Baru (1971) sehinggalah ke Model Ekonomi Baru (2011), isu kemiskinan dan pembangunan luar bandar sentiasa menjadi keutamaan kerajaan Malaysia di dalam mentadbir urus hal ehwal negara. Banyak polisi, program dan agensi kerajaan serta swasta terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia. Ini dilakukan secara berterusan demi memastikan hasrat Wawasan 2020 yang dipaksakan selama ini boleh dicapai. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah atau Kedah Regional Development Authority (KEDA) merupakan salah satu agensi kerajaan yang terlibat di dalam usaha pembasmian kemiskinan ini terutama sekali diluar bandar. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti perubahan yang dialami oleh penduduk-penduduk luar bandar dari segi pembangunan sosial, pembangunan ekonomi, pembangunan wanita dan juga pembangunan orang muda di dalam kawasan operasi KEDA. Skop kajian merangkumi semua sembilan zon KEDA dimana sebanyak 315 isirumah terlibat didalam soalselidik dan sepuluh orang pegawai KEDA terlibat didalam sesi temubual untuk tujuan kajian ini. Kaedah campuran (mix methods) digunakan dimana data akan dianalisa menggunakan perisian SPSS dan NVivo. Hasil dapatan kajian akan membantu memberi gambaran semasa tentang sumbangan KEDA didalam membasmi kemiskinan di luar bandar di Kedah dimana kajian yang serupa telah lama tidak dijalankan semenjak kajian terakhir pada tahun 1994.

Kata Kunci: Luar Bandar, Pembangunan Komuniti, Pembangunan Luar Bandar

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY AND SOCIAL SCIENCE (ICOPS 2017)
"ICOPS 2017: EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE"
8TH – 9TH MARCH 2017
Universiti Teknologi MARA Kedah, Malaysia

PENGENALAN

Dari segi sejarah pembangunan di Malaysia, peringkat dan fasa pembangunan adalah berbeza mengikut zaman dan era kepimpinan semasa. Setiap pemimpin mempunyai dasar, fokus dan keutamaan yang berbeza, maka fasa-fasa pembangunan juga adalah berbeza. Sejarah telah merakamkan fasa pembangunan negara yang diabaikan semasa era penjajahan Jepun dan Kolonial. Ini terjadi kerana penjajah lebih berminat untuk mengaut hasil bumi negara yang dijajah untuk kepentingan negara mereka sendiri daripada membangunkan negara yang dijajah mereka (Jeong Chun Hai, 2007).

Segala usaha untuk membangunkan negara hanya bermula dengan terancang setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Untuk sebuah negara membangun dengan cepat, pembangunan dibandar dan diluar bandar wajar diseimbangkan sebaik mungkin. Menyedari jurang yang besar diantara pembangunan dibandar dan luar bandar, maka sebaik sahaja negara mencapai kemerdekaan, satu program yang diberi nama *Transformasi Pembangunan Luar Bandar* telah diperkenalkan pada tahun 1957. Program ini bertujuan untuk membangunkan infrastruktur fizikal dan kemudahan-kemudahan asas yang banyak untuk penduduk-penduduk diluar bandar. Seterusnya pada tahun 1984, satu lagi program yang diberi nama *Pendekatan Baru untuk Desa dan Pembangunan Luar Bandar* telah diperkenalkan dengan tujuan utamanya untuk menambahbaik status ekonomi penduduk luar bandar disamping dalam masa yang sama mengurangkan kadar kemiskinan. Program Lonjakan Mega Luar Bandar telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2007 sebagai inisiatif dan usaha untuk mengurangkan golongan miskin tegar di Malaysia. Program ini mensasarkan 10 ribu ketua keluarga miskin tegar diseluruh Malaysia dengan menekankan tiga aspek pembangunan utama iaitu pembangunan modal insan, ekonomi dan infrastruktur.

Sebagai sebuah negara yang sedang berusaha keras untuk mencapai status negara maju, Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa program-program pembangunan negara sentiasa diberi keutamaan di dalam setiap agenda besar negara. Bermula dari Dasar Ekonomi Baru (1971) sehinggalah kepada Model Ekonomi Baru (2011), isu-isu kemiskinan dan pembangunan sentiasa menjadi agenda penting negara.

ISU KAJIAN

Sebagai sebuah negara yang membangun yang bercita-cita untuk menjadi *negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020*, Malaysia telah memperkenalkan banyak program dan projek yang mendokong hasrat dan cita-cita tersebut. Diantara projek dan program yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah Program Transformasi Kerajaan, Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia keSebelas (RMK11). Pengisian program dan projek ini membuktikan yang kerajaan Malaysia amat bersungguh-sungguh di dalam membasmi kemiskinan dan seterusnya membangunkan negara, samada dibandar mahupun diluar bandar.

Di dalam memastikan yang pembangunan luar bandar seimbang dengan pembangunan

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY AND SOCIAL SCIENCE (ICOPS 2017)
"ICOPS 2017: EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE"
8TH – 9TH MARCH 2017
Universiti Teknologi MARA Kedah, Malaysia

di bandar, banyak usaha dan peruntukan telah dilakukan oleh pihak pemerintah. Namun begitu, tidak semua usaha dan peruntukan yang dilaburkan memberi impak yang diharapkan oleh pihak pemerintah. Mengikut data dari Jabatan Statistik Malaysia, 2013 dan juga Unit Perancangan Ekonomi yang dilaporkan di bawah Statistik Sosio Ekonomi, Jadual 6: Kadar Kemiskinan oleh Etnik, Strata dan Negeri, Malaysia, 1970 – 2009, kaum Bumiputra telah direkodkan sebagai kelompok yang tertinggi dari segi kemiskinan kaum (5.3%) berbanding dengan kaum India (2.5%) dan kaum Cina (0.6%). Berdasarkan strata pula, kawasan luar bandar seperti yang dijangka, mencatat rekod kemiskinan tertinggi sebanyak 8.4% berbanding di bandar yang hanya sebanyak 1.7%. Jika merujuk kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia pula, carta kemiskinan diunguli oleh negeri Perlis sebanyak 6%, diikuti oleh negeri Kedah di tangga kedua sebanyak 5.3%. Untuk rekod kemiskinan tegar, Kedah dan Kelantan mencatatkan rekod sebagai dua negeri yang teratas untuk peratusan tertinggi (1.3%) kemiskinan tegar di Semenanjung Malaysia.

Dengan merujuk kepada rekod dan statistik diatas, jelas sekali negeri Kedah tersenarai didalam kedua-dua kategori rekod tertinggi didalam carta kemiskinan dan kemiskinan tegar di Semenanjung Malaysia. Pencapaian ini bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan oleh agensi-agensi yang telah diamanahkan oleh kerajaan negeri dan persekutuan untuk membasmi kemiskinan dan pembangunan di negeri Kedah. Banyak pihak, jabatan, dan agensi yang terlibat untuk tujuan tersebut, contohnya Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Kedah Regional Development Authority atau KEDA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), FELCRA dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Muda Agricultural Development Authority atau MADA) tetapi kajian ini lebih terarah kepada KEDA kerana operasi agensi ini merangkumi lebih daripada 89 peratus dari negeri Kedah.

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk membangun dan memajukan sebahagian besar negeri Kedah, sudah tentulah tanggungjawab itu amat berat, tambah-tambah lagi dengan rekod Kedah sebagai salah sebuah negeri yang mencatatkan rekod tertinggi kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar di Semenanjung Malaysia. Ini secara tidak langsung memberi impak yang kurang baik kepada usaha-usaha pembangunan di negeri Kedah. KEDA secara dasarnya telah menjalankan pelbagai program pembangunan mencakupi program pembasmian kemiskinan, program pembangunan industri kecil dan sederhana dan keusahawanan, program pembangunan *desa tradisional dan perumahan* untuk golongan yang kurang bernasib baik, program pembangunan modal insan, latihan kemahiran, pembangunan infrastruktur dan juga program kemudahan pembangunan sosial yang lain.

Dengan segala usaha dan kesungguhan KEDA menjalankan semua program-program tersebut, sudah tentulah hasilnya sedikit sebanyak dapat membantu negeri Kedah di dalam *menangani isu kemiskinan dan pembangunan di negeri Kedah*. Namun begitu, penilaian kejayaan program-program tersebut di peringkat mikro kurang diberi

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY AND SOCIAL SCIENCE (ICOPS 2017)
"ICOPS 2017: EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE"
8TH – 9TH MARCH 2017
Universiti Teknologi MARA Kedah, Malaysia

penekanan (Kamarudin Ngah, 1997; Young & Salih, 1985) walaupun terdapat usaha penilaian secara umum di peringkat kebangsaan telah dijalankan oleh kerajaan persekutuan. Untuk ini, kajian ini berhasrat untuk mengisi jurang dalam kajian di peringkat mikro terutama sekali terhadap sumbangan KEDA di negeri Kedah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui perubahan yang dialami oleh penduduk-penduduk luar bandar dari segi pembangunan sosial, pembangunan ekonomi, pembangunan wanita dan juga pembangunan orang muda di dalam kawasan operasi KEDA. Seterusnya kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan pendapat penduduk yang terlibat tentang keperluan kesinambungan kewujudan KEDA dikawasan mereka dan yang terakhir adalah untuk mendapatkan cadangan dan buah fikiran dari penduduk yang terlibat tentang program yang sesuai dengan mereka di dalam membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan yang selama ini membelenggu mereka.

KEPENTINGAN KAJIAN


Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat membantu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, agensi-agensi yang terlibat di dalam membasmi kemiskinan dan membangunkan kawasan luar bandar terutama sekali KEDA, didalam membuat penilaian kejayaan program-program yang telah dijalankan pada skala mikro dan spesifik berbanding penemuan secara umum diperingkat nasional. Penduduk-penduduk yang terlibat juga dapat disedarkan akan kepentingan penyertaan mereka di dalam setiap program yang dilaksanakan demi memastikan pelaburan yang dibuat oleh kerajaan kepada mereka adalah berbaloi.

SKOP KAJIAN

Skop kajian ini merangkumi kesemua sembilan zon dibawah kawasan operasi KEDA, iaitu, Zon Langkawi, Zon Padang Terap, Zon Kota Setar/Pandang/Pokok Sena, Zon Sik, Zon Baling, Zon Kulim, Zon Kuala Muda/Yan, Zon Kubang Pasu, dan Zon Bandar Baharu (Rujuk Rajah1).

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY AND SOCIAL SCIENCE (ICOPS 2017)
"ICOPS 2017: EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE"
8TH – 9TH MARCH 2017
Universiti Teknologi MARA Kedah, Malaysia

- ① ZON 1: LANGKAWI
- ② ZON 2: PADANG TERAP
- ③ ZON 3: KOTA SETAR/PENDANG/
POKOK SENJA
- ④ ZON 4: SIK
- ⑤ ZON 5: BALING
- ⑥ ZON 6: KULIM
- ⑦ ZON 7: KUALAMUDAIYAN
- ⑧ ZON 8: KUBANG PASU
- ⑨ ZON 9: BANDAR BAHARU



Rajah 1: Zon-Zon Operasi KEDA

KAJIAN LEPAS

Acharya, Yoshino, Jimba dan Wakai (2005) di dalam kajian mereka bertajuk *Empowering rural women through a community development approach in Nepal*, memberi tumpuan kepada kesan pembangunan di luar bandar terhadap kumpulan sasaran iaitu kaum wanita dimana mereka menilai sejauh manakah kesan pembangunan tersebut terhadap pembangunan sosial, ekonomi dan pembangunan diri wanita itu sendiri; adakah kehidupan mereka lebih baik, sama sahaja atau lebih teruk selepas melalui beberapa program pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa yang telah dilantik oleh kerajaan Nepal. Diantara dapatan kajian tersebut, pengkaji telah membuat rumusan yang diantara lain menyatakan bahawa untuk memastikan kejayaan setiap program yang dilaksanakan, kelompok kumpulan yang dipilih mestilah mempunyai kesedaran tentang perlunya untuk mereka berubah dan ini dapat dicapai bilamana kumpulan tersebut mempunyai tahap literasi yang memuaskan supaya mereka lebih mudah mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk berubah. Menurunkan dan memberi kuasa kepada kaum wanita di dalam kajian kes ini juga memberi impak yang tinggi di dalam keberkesanan program yang dijalankan oleh

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY AND SOCIAL SCIENCE (ICOPS 2017)
"ICOPS 2017: EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE"
8TH – 9TH MARCH 2017
Universiti Teknologi MARA Kedah, Malaysia

pihak berkuasa yang terlibat. Latihan-latihan kemahiran secara berterusan dilihat berupaya membimbing kaum wanita tersebut untuk menggunakan kuasa yang diberi untuk menentukan bentuk program yang sesuai dengan keupayaan mereka di dalam mengubah nasib mereka di luar bandar agar keluar dari kepompong kemiskinan dan seterusnya dapat memajukan diri sendiri dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya.

Satu kajian di Malaysia yang telah dilakukan oleh Ibrahim Ngah (2012) yang telah dinukilkan di dalam kertas pembentangannya yang bertajuk *Rural transformations development: a review on Malaysia's transformation program*, membicarakan secara makro tentang konsep pembangunan luar bandar di peringkat kebangsaan dengan berlandaskan program-program transformasi negara termasuk Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC). Ibrahim Ngah menyatakan yang pembangunan Transformasi Luar Bandar memerlukan perubahan minda dikedua-dua belah pihak; penyedia perkhidmatan (agensi yang dipertanggungjawab) dan juga penerima perkhidmatan (kelompok sasaran). Program-program yang hendak dijalankan perlulah difahami oleh kedua-dua belah pihak, dipersetujui bersama, dibuat berdasarkan keperluan setempat, keputusan yang diambil dimaklumkan kepada yang terlibat dan juga kelompok sasaran diberi sedikit ruang dan kebebasan untuk menentukan apa yang terbaik untuk mereka dan bukannya ditentukan oleh agen pelaksana.

Satu lagi kajian yang telah dijalankan oleh Yalagama, Chileshe dan Ma (2016) di Sri Lanka tertumpu di dalam mengenalpasti faktor-faktor kritikal yang menyokong kejayaan sesuatu pembangunan komuniti diluar bandar dari sudut dan pandangan komuniti itu sendiri. Pengkaji telah membuat kesimpulan dari dapatan kajian yang tiga faktor kritikal yang diperlukan ialah persekitaran masyarakat yang menyokong, pengurusan dan penilaian hasil projek oleh seseorang yang dihormati dari komuniti itu sendiri dan yang terakhir ialah penglibatan aktif masyarakat setempat disepanjang proses pelaksanaan projek dan program yang dijalankan.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian dengan menggunakan kaedah campuran sebagai kaedah penyelidikan. Rangka sampel isi rumah terdiri dari kesemua isi rumah di sembilan zon dibawah kawasan operasi KEDA. Saiz sampel ialah sebanyak 315 isi rumah dengan menggunakan kaedah *Rules of Thumb* yang diperkenalkan oleh Roscoe (1975) dimana beliau menyatakan untuk sesuatu kajian, jumlah saiz sampel hendaklah tidak kurang dari 30 dan tidak lebih dari 500. Maka saiz sampel untuk kajian ini sudah memenuhi syarat kaedah tersebut.

Sebanyak 35 isi rumah akan dipilih secara rawak untuk mewakili setiap zon di sembilan zon di dalam kawasan operasi KEDA. Ini bermakna 35 isi rumah di darab dengan sembilan zon, hasilnya ialah 315 isi rumah yang terlibat dengan kajian ini.

Pengumpulan data akan menggunakan borang soal selidik untuk setiap isi rumah yang terlibat manakala kaedah temu bual peribadi secara bersemuka akan dilakukan terhadap sepuluh (10) orang Pegawai Kanan KEDA.

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY AND SOCIAL SCIENCE (ICOPS 2017)
"ICOPS 2017: EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE"
8TH – 9TH MARCH 2017
Universiti Teknologi MARA Kedah, Malaysia

Analisa data akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kuantitatif dan kualitatif. Untuk analisa data kuantitatif, Statistical Package for Social Science (SPSS) akan digunakan manakala perisian NVivo pula akan digunakan untuk analisa data kualitatif (Bazeley, 2011).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, diharapkan agar hasil dapatan kajian ini akan dapat membantu memberi gambaran semasa tentang sumbangan KEDA didalam membasmi kemiskinan dan pembangunan di luar bandar di Kedah dimana kajian yang serupa telah lama tidak dijalankan semenjak kajian terakhir pada tahun 1994.

PENGHARGAAN

Kajian yang akan dijalankan ini adalah kerjasama diantara Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Kedah bersama dengan School of Government, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (UUM COLGIS), Sintok, Kedah.

RUJUKAN

Acharya, S., Yoshino, E., Jimba, M., & Wakai, S. (2005). Empowering rural women through a community development approach in Nepal. *Community Development Journal*, 42 (1), 34-46. Retrieved from <http://cdj.oxfordjournals.org/cgi/doi/10.1093/cdj/bsi064>.

Bazeley, P. (2011). *Qualitative Data Analysis with NVivo*. London: SAGE Publications Ltd.

Ibrahim Ngah (2012, December). Rural transformations development: a review on Malaysia's transformation program. Paper presented at the International Conference on Social Sciences & Humanities (ICOSH) UKM 2012.

Jeong Chun Hai (2007), *Fundamental of Development Administration*. Kangar, Perlis: Percetakan Perlis.

Kamarudin Ngah (1997). *The Traditional Village Development Approach to Regional Development in Malaysia: A Case Study of PERDA (Penang Regional Development Authority) (Unpublished doctoral thesis)*. University of Bradford, West Yorkshire, England.

Roscoe, J.T. (1975). *Fundamental research statistics for the behavioral sciences* (2nd

6TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON PUBLIC POLICY AND SOCIAL SCIENCE (ICOPS 2017)
"ICOPS 2017: EXCELLING THE CHALLENGE OF CHANGE"
8TH – 9TH MARCH 2017
Universiti Teknologi MARA Kedah, Malaysia

ed.). New York: Holt, Rinehart and Winston.

Yalegama, S., Chileshe, N., & Ma, T. (2016). Critical success factors for community-driven development projects: A Sri Lankan community perspective. *International Journal of Project Management*, 34 (2016), 643-659. Elsevier Ltd. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1016/j.ijproman.2016.02.006> 0263-7863/00/.

Young, Mei Ling and Salih, Kamal (1985), National urban policy and decentralization strategies: The case of Malaysia, paper presented at the Conference on Urbanization and Urban Policies: Lesson from East and South-East Asian experience, Bali, Indonesia, 9-13 Dec.

